

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 22.10.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia mengkaji semula Dasar dan Sistem Pendidikan Negara agar memberi penekanan yang lebih dan ditanam dari awal persekolahan lagi dengan nilai keagamaan, moral, etika dan integriti kepada pelajar agar dapat menzahirkan generasi Rabbani dan Ulul Albab. Dengan sedemikian, negara akan menzahirkan masyarakat yang bersih, cekap dan amanah dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan Transformasi Sistem Pendidikan Malaysia melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. KPM juga sentiasa melaksanakan libat urus dan konsultasi bersama-sama pemegang taruh dalam perancangan dan pelaksanaan dasar serta program di bawah KPM. PPPM 2013 - 2025 telah menetapkan hala tuju dan sasaran yang jelas ciri-ciri murid yang ingin dilahirkan iaitu yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, beretika dan kerohanian serta beridentiti nasional. Semua ciri-ciri ini selaras dengan pembangunan insan yang

holistik dan menyeluruh seperti terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan selari dengan ciri-ciri insan abad ke-21.

Justeru, KPM memperkenalkan beberapa usaha bagi memperkasakan mata pelajaran Pendidikan Islam. Antara usaha tersebut ialah Program j-QAF di sekolah rendah, pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz, memperkenalkan Tahfiz Model Ulul Albab dan penambahbaikan Ujian Penilaian Asas Fardu Ain di sekolah rendah dan sekolah menengah. Melalui Pendidikan Islam, KPM sentiasa memberi penekanan kepada pendidikan akhlak dan adab sebagai benteng kepada kehidupan seorang muslim. Bidang pembelajaran akhlak dan adab menjadi salah satu bidang yang dipelajari di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Pendidikan akhlak dan adab juga diterapkan melalui pembelajaran al Quran, hadis, ibadah dan sirah. Pelaksanaan secara amali turut diadakan sama ada di kelas, masjid atau surau bagi meningkatkan penghayatan dalam kalangan murid.

Matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan berakhlak mulia, berintegriti dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara. Murid diajar memahami, menghayati dan mengamalkan 14 nilai murni yang diajar bersifat sarwajagat serta selaras dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia. Kurikulum Pendidikan Moral Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta KSSR Semakan yang memberi tumpuan kepada aspek nilai diri, keluarga, masyarakat, alam sekitar, negara serta global berhasrat memupuk kekuatan kerohanian dan moral murid melalui penghayatan dan amalan nilai murni masyarakat Malaysia dan global.

Melalui Pendidikan Moral, murid juga dididik untuk berpegang teguh pada ajaran agama, prihatin kepada alam sekitar, mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup, bersemangat patriotik, menghormati hak asasi manusia, dan mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

Komponen mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral yang diajarkan di sekolah merupakan satu proses melengkap dan menerapkan nilai murni dalam diri murid agar mereka berupaya menjadi warganegara yang baik dan mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala sosial. Seterusnya dapat menzahirkan masyarakat yang bersih, cekap dan amanah dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

Selain daripada itu, aktiviti kokurikulum seperti unit beruniform, persatuan dan sukan yang perlu disertai oleh murid juga merupakan aktiviti yang dapat mengelakkan murid daripada terlibat dengan gejala sosial. Kaunselor yang ditempatkan di sekolah juga berperanan memberikan khidmat bimbingan dan nasihat kepada murid agar dapat meningkatkan jati diri dan memahami peranan mereka sebagai ahli dalam masyarakat.